



GARIS PANDUAN

SKIM GERAN PENYELIDIKAN *BRIDGING* GRA

Pengenalan

Geran Bridging GRA adalah geran dalaman yang dianugerahkan oleh Universiti Sains Malaysia kepada penyelidik bertujuan membantu penyelidik yang aktif dalam penyelidikan (dengan rekod prestasi yang baik) untuk meneruskan dan/atau menjalankan lebih banyak aktiviti penyelidikan melalui pembayaran Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) yang telah sedia dilantik daripada geran dalaman atau luar yang baru tamat. Seterusnya mereka akan mencari peluang permohonan geran lain dan mencari rakan kolaborasi untuk terus maju di dalam penyelidikan yang mereka ceburi sesuai dengan misi dan visi universiti serta status universiti sebagai universiti penyelidikan dan universiti APEX.

Objektif

Skim Geran Penyelidikan Bridging GRA mempunyai objektif berikut:

- i. Memberi sokongan khususnya kepada penyelidik dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) yang baru tamat geran penyelidikan dalaman atau luar bagi meneruskan aktiviti penyelidikan.
- ii. Membantu dalam perkembangan pengetahuan, dan penemuan idea yang seterusnya membawa kepada hasil penemuan ilmu yang dicerminkan melalui penerbitan.
- iii. Meningkatkan kerjasama antara penyelidik di awal kerjaya dengan rakan-rakan kolaborasi seperti daripada pusat-pusat pengajian/kecermelangan di USM, institut pengajian tinggi dalam negara/luar negara dan/atau bersama industri/komuniti bagi menggalakkan penyelidikan merentas bidang dan penyelidikan berimpak.

Kriteria Permohonan

- i. Terbuka kepada semua staf akademik yang berstatus taraf rekod **AKTIF** sahaja dan **TIDAK** mempunyai geran dalaman dan luar aktif (Bridging, Geran Jangka Pendek, RUI, RUTeam, RUTrans, APEX ERA, FRGS, PRGS dan lain-lain).
- ii. Pensyarah yang berstatus ASHES, ASTS atau sedang dalam Cuti Sabatikal atau di bawah kategori tidak aktif yang lain tidak layak untuk memohon.
- iii. Staf akademik yang memohon perlulah mempunyai sekurang-kurangnya **ENAM (6)** penerbitan yang berindeks Q1/Q2 bagi S&T atau **EMPAT (4)** penerbitan yang berindeks Q1/Q2 bagi bukan S&T dalam tempoh tiga tahun terkini (bukti penerbitan dan laporan JCR dikemukakan).
- iv. Tempoh tamat geran terdahulu hendaklah tidak melebihi 6 bulan sebelum permohonan geran *Bridging* GRA dibuat (bukti pemilikan geran terdahulu disertakan).
- v. Hanya satu (1) permohonan dibenarkan pada satu kitaran.
- vi. Semua pemohon perlu mempunyai *Researcher ID* dan *Author ID* (Scopus).
- vii. Staf akademik juga mestilah telah melantik Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) pada geran terdahulu dan merupakan seorang pelajar sepenuh masa (Mod Penyelidikan) sebagai penyelia utama (bukti perlu dikemukakan). Sekiranya pelajar belum berdaftar, surat tawaran kemasukan boleh dilampirkan untuk permohonan.

- viii. Staf akademik yang ingin memohon geran ini perlu mengemukakan bukti terkini permohonan geran luar yang setara (geran luar peringkat kebangsaan / antarabangsa).
- ix. Semua penyelidikan yang menggunakan subjek manusia dan haiwan perlu mendapatkan kelulusan JEPeM dan JKPPH-USM terlebih dahulu sebelum geran diaktifkan.
- x. Semua permohonan hendaklah disemak, dinilai dan diperaku oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Hanya permohonan yang diserahkan melalui PTJ masing-masing akan diterima dan diproses.
- xi. Permohonan yang tidak lengkap dan lewat tidak akan diproses serta akan dikembalikan kepada PTJ masing-masing.

Siling Peruntukan

Peruntukan maksimum bagi setiap permohonan Geran Bridging GRA adalah **RM25,000.00 (S&T) dan (bukan S&T)**

Tempoh Penyelidikan

- i. Tempoh pelaksanaan geran adalah satu (1) tahun.
- ii. Penyelidik Utama perlu memastikan projek penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran hasil/*output* yang telah diluluskan berdasarkan kertas cadangan penyelidikan (proposal). Perubahan objektif penyelidikan tidak dibenarkan kecuali dengan permohonan dan justifikasi menggunakan borang Hal Ehwal Pengurusan Geran (HEPG).
- iii. Sekiranya Penyelidik Utama memerlukan perlanjutan tempoh penyelidikan bagi meneruskan kelangsungan projek tersebut, Penyelidik Utama perlu mengemukakan permohonan yang lengkap merangkumi justifikasi dan keperluan perlanjutan beserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan RCMO.
- iv. Tempoh perlanjutan maksimum yang dibenarkan adalah selama 6 bulan sahaja. Penyelidik Utama bertanggungjawab untuk membuat permohonan perlanjutan dengan mengisi borang HEPG **3 bulan** sebelum tarikh tamat tempoh geran. Permohonan yang dikemukakan lewat tidak akan dipertimbangkan.
- v. Justifikasi perlanjutan tempoh yang **TIDAK BOLEH** dipertimbangkan adalah seperti berikut:
 - a) Penerbitan artikel jurnal, buku dan lain-lain;
 - b) Membayar gaji Staf Projek/Pembantu Penyelidik Siswazah;
 - c) Membelanjakan baki peruntukan penyelidikan; atau
 - d) Sebab-sebab lain dengan justifikasi yang tidak kukuh dan tidak jelas.

Peraturan Kewangan

- i. Setiap geran yang dianugerahkan adalah menjadi tanggungjawab Penyelidik Utama dan semua penyelidik bersama dan perlu diuruskan dengan sebaik mungkin. Perbelanjaan hanya dibenarkan untuk aktiviti yang terlibat atau berkaitan dengan penyelidikan sahaja. Penyelidik Utama perlu mematuhi prosedur semasa perolehan Universiti bagi setiap perbelanjaan dan semua tatacara perbendaharaan.

- ii. Peruntukan dana adalah dalam Vot Kawalan dan hanya membenarkan Vot seperti di bawah sahaja:

VOT	DEFINISI	CATATAN									
Vot 11000 (Upah/Gaji dan Elaun GRA)	Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja.	<p>1. Kadar elaun Pembantu Penyelidik Siswazah adalah seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Minimum</th> <th>Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sarjana</td> <td>RM1,000</td> <td>RM1,300</td> </tr> <tr> <td>PhD</td> <td>RM1,200</td> <td>RM1,500</td> </tr> </tbody> </table> <p>*kadar baharu, kemaskini Ogos 2021</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar Siswazah hanya dibenarkan dilantik di bawah Skim Siswazah Pembantu (Penyelidikan) [SSP] bagi tempoh aktif projek. 2. Penyelidik diwajibkan membayar GRA mengikut kadar seperti di atas untuk tempoh 12 bulan 3. Peruntukan GRA bagi geran Bridging GRA maksimum adalah RM20,000.00. 		Minimum	Maksimum	Sarjana	RM1,000	RM1,300	PhD	RM1,200	RM1,500
	Minimum	Maksimum									
Sarjana	RM1,000	RM1,300									
PhD	RM1,200	RM1,500									
Vot 27000 (Bekalan & Bahan Penyelidikan)	Bahan mentah dan bahan berkaitan penyelidikan sahaja.	*Peruntukan bagi Vot 27000 dan Vot 29000 maksimum RM5,000.00 secara kumulatif.									
Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)	Perkhidmatan seperti percetakan, honorarium, konsultansi, khidmat kepakaran, suntingan bahasa dll. Perkhidmatan khas seperti kos dan yuran persidangan, bengkel, bayaran	<p>Pembayaran honorarium kepada Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama adalah tidak dibenarkan.</p> <p>*Peruntukan bagi Vot 27000 dan Vot 29000 maksimum RM5,000.00 secara kumulatif.</p>									

- iii. Penyelidik Utama diwajibkan memantau dan membuat perbelanjaan berdasarkan peruntukan **VOT11000, VOT27000 dan VOT29000** yang telah **diluluskan sahaja**. Sebarang perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan harus ditanggung oleh Penyelidik Utama. Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan akan **LUPUT**.
- iv. **Tidak dibenarkan** membuat pindaan vot keluar daripada VOT11000
- v. Pemindahan vot-vot lain **tidak boleh melebihi 50%** daripada kelulusan asal dan permohonan dibuat melalui borang HEPG.
- vi. Penyelidik Utama perlu membuat perancangan terperinci semasa membuat permohonan. Pertukaran vot hanya dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh geran dianugerahkan.
- vii. Semua jenis pembelian melalui **pesanan rasmi (PO)**/tuntutan perlu dilakukan **sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan**. Sebarang pembelian/tuntutan selepas tarikh tamat tempoh tidak akan dipertimbangkan.
- viii. Buku Syarat dan Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti boleh dimuat turun melalui pautan [Buku Kewangan/Pengurusan Kewangan Penyelidikan.pdf](#) sebagai panduan untuk mentadbir kewangan geran. Makluman dan hebahan semasa RCMO berkaitan perbelanjaan dan pengurusan geran juga adalah berkaitan.

Pemantauan Geran

- i. Geran Bridging GRA adalah tertakluk kepada pemantauan oleh RCMO bermula daripada tarikh pengaktifan geran sehingga tempoh geran penyelidikan tamat.
- ii. Penyelidik perlu menghantar laporan kemajuan geran selepas 6 bulan geran diaktifkan.
- iii. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut:
 - (a) Prestasi projek; dan
 - (b) Prestasi kewangan
- iv. Jika Penyelidik Utama didapati mempunyai masalah dalam mencapai perbatuan dan perbelanjaan, Penyelidik Utama akan dipanggil untuk memberikan justifikasi dan jika tiada justifikasi kukuh geran boleh ditamatkan dan Penyelidik Utama berkemungkinan tidak akan diberikan keutamaan semasa permohonan geran dalaman lain.
- v. Penyelidik Utama perlu menghantar Laporan Prestasi & Kewangan dan Laporan Akhir mengikut format yang ditetapkan.

Hasil Penyelidikan

Penerbitan	Projek disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya SATU (1) penerbitan sebagai penulis utama dalam <ul style="list-style-type: none">▪ Jurnal Web of Science-(WoS) Q1/Q2 bagi Kategori Bidang SAINS atau▪ Jurnal Web of Science-(WoS) / SCOPUS bagi Kategori Bidang BUKAN SAINS.
Penyeliaan Pelajar	SATU (1) pelajar pasca siswazah mod penyelidikan sebagai Penyelia Utama

- 1 Penerbitan yang dihasilkan adalah yang berkaitan dengan geran sahaja.
 - i) Penghargaan kepada **Geran Penyelidikan Bridging GRA Universiti Sains Malaysia** mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
 - ii) Penghargaan **perlu berserta nombor akaun/rujukan geran dan dicatatkan pada penerbitan yang dihasilkan**.

CONTOH:

Special thanks to Universiti Sains Malaysia for the financial assistance through Bridging GRA Grant (304/KODPTJ/631XXXX).

- iii) Sekiranya tiada sebarang penghargaan dinyatakan maka penerbitan tersebut tidak akan diambil kira sebagai output geran.
- iv) Penghargaan kepada geran Penyelidikan *Bridging GRA* SAHAJA dibenarkan.

2. Pencapaian objektif dan output (penerbitan dalam jurnal terindeks/bakat) mestilah:

- i) Memenuhi KPI yang dipersetujui dalam kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang diluluskan walaupun ia melebihi daripada KPI minimum dalam Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan Bridging GRA; dan
- ii) sekiranya KPI yang dijanjikan dalam proposal yang diluluskan lebih rendah dari syarat minimum KPI dalam garis panduan geran penyelidikan, maka syarat KPI minimum dalam garis panduan Skim Geran Penyelidikan WAJIB dipenuhi.

3. Penyelidik perlu memastikan pencapaian *output*/hasil penyelidikan projek seperti yang dinyatakan. Sekiranya penyelidik **gagal mencapai *output*/hasil penyelidikan yang telah ditetapkan sama ada semasa pelaporan Laporan Kemajuan atau Laporan Akhir, secara tidak langsung akan mempengaruhi peluang penyelidik untuk mendapat geran dalaman pada masa hadapan serta berkemungkinan tidak akan diutamakan.**

Laporan akhir

- i. Penyelidik Utama perlu melengkapkan Laporan Akhir Projek (secara *softcopy* atau *hardcopy*) dalam tempoh **TIGA (3) bulan** selepas tarikh tamat projek atau tarikh projek ditamatkan. Laporan ini mestilah berdasarkan kepada hasil penyelidikan dari tajuk projek yang diluluskan sahaja. Format penyeliaan Laporan Akhir boleh dimuat turun daripada laman sesawang [Bahagian Penyelidikan dan Inovasi](#).
- ii. Laporan akhir yang tidak dihantar dalam tempoh yang telah ditetapkan boleh menjejaskan permohonan geran oleh Penyelidik Utama dan penyelidik bersama pada tahun-tahun seterusnya.
- iii. Penyelidik Utama, Penyelidik Bersama dan semua yang terlibat dengan geran/projek adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling, Syarat, Polisi Harta Intelek Universiti, Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti dan Peraturan-Peraturan lain yang berkuatkuasa di Universiti Sains Malaysia.